

# PM perjelaskan tujuan buat kereta sendiri

22 AUG 1985

Oleh RAHIM LAJIS

KUCHING, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan sebab-sebab mengapa kerajaan bersungguh-sungguh menubuhkan industri kereta walaupun terpaksa menanggung kos yang tinggi dan menghadapi persaingan hebat daripada negara-negara pengeluar kereta terkemuka.

Beliau berkata, inilah soalan utama yang sering ditanya kepada beliau oleh pemimpin-pemimpin tempatan dan antarabangsa.

"Pengusaha-pengusaha Sweden hairan mengapa Malaysia bersusah payah membuat kereta sendiri dengan belanja yang besar. Mereka mengatakan kita tidak mempunyai pasaran luas dan masih mentah dalam bidang industri," katanya.

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, beliau menyatakan sebab-sebab dan tujuannya adalah sama dengan alasan dan matlamat Sweden membuat kereta sendiri.

"Sweden sendiri sebenarnya tidak mempunyai pasaran luas kerana penduduknya hanya lapan juta orang itu separuh daripada jumlah penduduk Malaysia.

apabila pengeluarannya bertambah dan mendapat pasaran luas di luar negeri, seperti yang dinikmati oleh rakyat Jepun sekarang," jelasnya.

Menurut beliau, sebenarnya teknologi pembuatan kereta dan trak tidak begitu rumit

"Tetapi kita terpaksa mengorbankan wang untuk membuat kereta sendiri kerana hanya dengan cara ini kita berpeluang mempelajari pembuatan kereta secara lebih mendalam dan berkesan," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian ketika melancarkan operasi pemasangan trak di Sarawak Motor Industries Sdn. Bhd. (SMI) di kawasan perindustrian Bintawa dekat sini petang ini.

## Pasaran

katanya, rakyat haruslah bersedia dan sanggup membeli kereta-kereta negara sendiri walaupun jika ia dijual dengan harga lebih mahal daripada yang mereka harapkan.

"Orang British, misalnya, sanggup membeli kereta buatan negara mereka sendiri dengan harga yang sangat mahal, berbanding membeli kereta Jepun," katanya.

Perdana Menteri berkata, itulah semangat yang diharapkan daripada rakyat negara ini.

"Pada suatu masa nanti kita boleh memiliki kereta nasional dengan harga yang lebih mu-